

13 FEB 2003

Mahathir-Kebangsaan

SEKOLAH KEBANGSAAN DISUSUN SEMULA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sistem sekolah kebangsaan di negara ini akan disusun semula dengan menyediakan sukatan dan mata pelajaran yang mencukupi untuk semua pelajar.

Perdana Menteri sistem persekolahan di negara ini pada masa ini telah banyak dipinda sehinggakan sudah wujud keadaan "tidak ada sekolah kebangsaan lagi".

"Ia telah ditokok tambah kerana mereka ingin utamakan ciri keMelayuan, mereka ingin tanam unsur-unsur agama Islam dalam sekolah (kebangsaan) ini.

"Semua sekolah kebangsaan sudah menjadi sekolah agama Islam Melayu," katanya ketika menyampaikan Amanat Presiden di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Sebanyak 5,000 anggota Umno dari seluruh negara hadir pada pertemuan itu untuk mendengar penjelasan mengenai tindakan kerajaan menghentikan bantuan kewangan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Dr Mahathir berkata sepatutnya bahasa ibunda orang bukan Melayu diajar di sekolah kebangsaan tetapi ini telah diketepikan sehingga kaum Cina dan India menolak sekolah kebangsaan dan menganggap ia telah menjadi sekolah Melayu dan sekolah agama Islam.

Ini diburukkan dengan wujudnya larangan-larangan tertentu sehingga menyebabkan banyak ibu bapa bukan Melayu menghantar anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan (SJK), katanya.

"Sekarang kita tak panggil bahasa kebangsaan, kita panggil bahasa Melayu. Kita sebenarnya telah menyuburkan sekolah jenis kebangsaan, cukup besar sehingga terdapat beribu-ribu pelajar," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata SJK yang hampir lenyap satu ketika dulu subur kembali kerana sekolah kebangsaan dianggap tidak menarik.

Dr Mahathir berkata tindakan bukan Melayu memilih SJK telah "mengosongkan" mereka (bukan Melayu) daripada sekolah kebangsaan sedangkan mereka sepatutnya berdampingan dengan orang Islam untuk mengenali mereka dengan lebih rapat.

"Sekurang-kurangnya di negara berbilang kaum, orang bukan Islam mendekati orang Islam supaya mereka tahu kita bukan pengganas," katanya.

Dr Mahathir berkata lebih mengecewakan ialah sekolah kebangsaan yang menjadi "sekolah Melayu" ini ditolak oleh orang Melayu sendiri apabila banyak anak Melayu berpindah dari sekolah kebangsaan ke SAR.

Kedadaan ini berlaku walaupun SAR tidak mempunyai mutu, tidak mengikuti sukatan, tidak mempunyai guru terlatih yang mengajar sukatan sepatutnya, serta tidak memiliki sifat-sifat yang sepatutnya ada pada sebuah sekolah, katanya.

"Orang bukan Melayu tinggalkan sekolah kebangsaan kerana ia terlalu Melayu dan Islam, dan orang Islam dan orang Melayu tinggalkan sekolah kebangsaan kerana (menganggap) ia kurang Islam," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berkata negara memerlukan mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas termasuk dalam bidang profesional, dan bukan setakat pengetahuan agama sahaja.

Ini kerana sekiranya mereka tidak mempunyai pengetahuan atau ilmu yang lain selain agama, negara akan menjadi lemah dan mudah ditindas.

"Kita nak beri asas-asas yang cukup, kita nak beri ini dalam sekolah kebangsaan pada masa yang sama dengan ilmu-ilmu selain agama Islam," katanya.

Dalam sesi dialog bersama perwakilan Umno selepas itu, Dr Mahathir berkata kajian awal penyusunan semula sekolah kebangsaan telah siap.

Perdana Menteri berkata beliau telah menerima laporan awal mengenai perkara itu hari ini tetapi belum berpeluang membacanya lagi.

Bercakap pada sidang media kemudian, Dr Mahathir berkata perubahan sistem sekolah kebangsaan tidak akan menjejaskan imejnya sehingga menyebabkan pelajar bukan Islam menolak sekolah kebangsaan.

Katanya perubahan itu lebih kepada untuk memperbaiki pengajaran agama Islam di sekolah kebangsaan dan bukan mengubah sekolah kebangsaan sehingga menjadi sekolah agama.

"Kita akan tambah pelajaran agama Islam yang menepati kehendak agama Islam, tetapi ia ditambah tanpa menjejaskan imej sekolah kebangsaan," katanya.

Berkenaan dengan tempoh masa untuk menyelesaikan proses perubahan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan memerlukan sedikit masa kerana ia perlu dibahaskan dan dilakukan dengan teliti.

"Kita nak tentukan sukatan itu mengikut dan menepati kehendak agama Islam dan kita melihat kepada model di negeri Johor. Ada juga model lain dan cadangan lain," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan akan cuba untuk menyelesaikannya secepat mungkin.

Ditanya sama ada Umno tidak bimbang langkah kerajaan itu akan memberi kesan negatif kepada parti itu semasa pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata: "Ia membimbangkan Pas kerana mereka mahu kekalkan sekolah itu tetapi kita mahu kekalkan ajaran Islam.

"Mereka berdoa untuk sekolah itu, kita berdoa untuk Islam."

Ditanya mengenai cadangan debat antara Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz dan Timbalan Ketua Dewan Pemuda Pas, Salahuddin Ayub mengenai SAR, Dr Mahathir berkata ia akan diteruskan.

"Kita nak lihat apa Pas nak bohong. Kita bagi peluang kepada dia dan kita akan rekod apa yang dia nak kata," katanya.

Debat itu dijangka berlangsung Ahad ini.

Ditanya tentang pengganti Ketua Menteri Sabah, Datuk Chong Kah Kiat yang tamat tempoh perkhidmatan 27 Mac ini, Dr Mahathir berkata beliau akan membincangkan perkara itu dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

NN MAM MAI